


NewspaperSG

Jangan teragak-agak, langsung saja

Berita Harian, 15 September 2011, Page 19

 Article also available on Microfilm Reel NL31618

Printer-Friendly Page

Jangan teragak-agak, langsung saja

SILAT

Oleh : 1 SAPARIN RASIKIN

saparin@sph.com.sg

JANGAN teragak-agak dan tunjukkan persembahan terbaik anda, terutama para pesilat yang akan mengambil bahagian dalam Sukan SEA Indonesia November ini.

Demikian gesaan ketua jurulatih Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Mohd Hidayat Hosni, kepada anak buahnya yang berlepas ke Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Kuala Lumpur pagi semalam.

Kejohanan itu melibatkan para pelajar institusi pengajian tinggi anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan berlangsung selama enam hari mulai malam ini.

Selain daripada Singapura,

pesilat dari Thailand dan Indonesia juga dijangka mengambil bahagian, di samping pasukan-pasukan negeri dan pengajian tinggi di Malaysia.

Singapura muncul sebagai juara keseluruhan pada kejohanan pertama di Pulau, Johor, tahun lalu.

“Sebagai jua-

ra bertahan, pesilat lawan pasti akan berusaha lebih keras mahu mengalahkan pesilat kami,” jelasnya selepas memberi taklimatnya.

“Itu bermakna pesilat kami perlu menunjukkan persembahan terbaik mereka bagi mengecap kemenangan dan mengekalkan kejuaraan keseluruhan.”

Ditanya tidakkah beliau bimbang kemungkinan masalah kecederaan, terutama ke atas pesilat yang akan menyertai Sukan SEA, Hidayat menjawab:

“Kami sedar risiko itu. Tetapi jika pesilat kita mahu menguji keupayaan sebenar sebelum ke Sukan SEA, mereka perlu menunjukkan persembahan terbaik masing-masing.

“Pada masa yang sama, mereka perlu bijak mengatur strategi, terutama apabila berdepan dengan pesilat yang begitu agresif, dan saya percaya jurulatih kami akan memberi nasihat semasa perlawanan.”

Di samping 10 pesilat Sukan SEA, Singapura turut menyertakan 13 pesilat pelapis bagi menimba pengala-

man sebagai persediaan jangka panjang.

Lima pesilat Sukan SEA yang tidak mengambil bahagian ialah Nurshahrin Shahrudin, Md Saifullah Md Julaimi, Md Shakir Juanda, Saiedah Said dan Nur Shafiq Sheik Alaud-din.

Sungguhpun enggan menyatakan sasaran pingat, Hidayat percaya pesilat Singapura sudah bersedia hendak mengekalkan kejuaraan keseluruhan.

“Para pesilat kami telah menjalani latihan keras, termasuk semasa bulan puasa, dan kini sudah bersedia berjuang,” jelasnya.

Antara pesilat senior seperti Md Elyasak Said, Nurindah Mursani dan Nur Zulaikha menjadi harapan memenangi acara masing-masing.

Pesilat Sukan SEA:

Lelaki: Herwan Harrywanto (kelas B), Md Elyasak Said (kelas F), Md Iqbal Abdul Rahman (seni tunggal dan regu), Md Darnial Azlani (seri ganda dan regu), Muhd Azri Abdullah (seni ganda dan regu).

Perempuan: Nurindah Mursani (kelas B), Nur Zulaikha Zakatia (kelas D), Nurul Khairunnisa Azlani (seni tunggal), Nur Fazlin Juma'en (seni ganda dan regu), Seri Karmila Abdul Raziz (seni ganda dan regu).

Pesilat pelapis:

Lelaki: Muhd Nur Alfian Juma'en (kelas E), Muhd Syahir Agus (kelas F), Muhd Nur Shafiq Muhd Saiful (kelas H), Ahmad Zarraq Muhd Hanif (kelas I), Qassidi Ibrahim Ahmad (kelas J), Sheikh Ferdous Sheik Alauddin dan Muhd Nur Juffrie (seni ganda).

Perempuan: Atiq Isnarti Roslan (kelas A), Nur Zakira Zakaria (kelas C), Shaeuna Shariff (kelas E), Zafirah Hamizah Zulkifli (kelas F), dan Nur Hidayah Ariffin (seni tunggal).

Sebagai juara bertahan, pesilat lawan pasti akan berusaha lebih keras mahu mengalahkan pesilat kami. Itu bermakna pesilat kami perlu menunjukkan persembahan terbaik mereka.

– Mohd Hidayat Hosni, ketua jurulatih Persisi.



SELAMAT BERJUANG: Ketua jurulatih Persisi, Mohd Hidayat Hosni (berkemeja-T biru), memberikan taklimat dan kata-kata perangsang sebelum para pegawai dan pesilat Singapura berlepas ke Kuala Lumpur pagi semalam. – Foto TAUFIK A. KADER

- Foto TAUFIK A. KADER